

# Rakyat tolak pandangan melampau PAS — Anwar

Bahron Othoi oleh Anwar  
Negeri Melayu

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia mensifatkan kemenangan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Binjal sebagai tanda "rakyat menolak pandangan yang melampau dalam PAS".

Ketuanya, Encik Anwar Ibrahim berkata, kejayaan itu juga telah menambah pemuda dalam kepimpinan Negara.

Dalam pertandingan satu lawan satu itu, calon Barisan Nasional (BN), Encik Muda Mamat mengalahkan calon PAS, Encik Abdul Wahab Salleh dengan majoriti 860 undi.

Encik Muda mendapat 4,041 undi manakala la-

wannya, Encik Abdul Wahab mendapat 3,181 undi.

Encik Anwar yang bekerja keras memastikan kejayaan BN itu berkata, kemenangan tersebut besar ertinya kepada pimpinan Kerajaan hari ini terutamanya dalam usaha mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Encik Anwar juga berkata, Pergerakan Pemuda UMNO mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk menggantikan Akta Pertubuhan.

Beliau menolak dakwaan keputusan Kerajaan menggantikan akta itu sebagai langkah "undur ke belakang".